



SITI NUR SURAYA
MOHAMED ALI
International Board of Certified Lactation
Educator, CEO And Founder Of Lunatots

5 Cara Asuh Si Kecil Teruja Buat KERJA RUMAH

Sebagai individu, kita sentiasa mempunyai rasa mahu dipertukan dalam kumpulan. Dan sebagai sebuah keluarga, mempunyai kerja rumah untuk dilakukan adalah satu tanggungjawab yang menyeronokkan untuk anak-anak. Ianya satu proses pembelajaran dan latihan untuk menyumbang kepada keluarga.

Kajian menyatakan hampir 74% ibu bapa memberitahu bahawa anak mereka tidak membantu kerja rumah kecuali jika diminta. Dan hampir 50% ibu bapa menyatakan bahawa mereka perlu bertengkar dengan anak-anak untuk meminta mereka melakukan kerja rumah.

Ianya pasti bukan kerja sehari dua. Bayangkan ia adalah latihan sebuah kehidupan dan pastinya ia bermula seawal usia satu atau dua. 5 langkah mudah yang boleh ibu bapa amalkan sepanjang proses ini ialah:

1. **Tidak ada dan tiada siapa yang sempurna di dunia ini.** Ingat! Proses ini hanyalah sebagai proses latihan kehidupan. Bersabar dan bertenang dengan sebarang kemungkinan seperti keadaan mungkin menjadi lebih teruk. Elakkan mengambil semula kerja rumah yang sedang anak kita lakukan dan menyuruh mereka berhenti membuatnya! Ia akan membuatkan mereka merasa kecewa.

2. **Pasti mereka telah melakukan yang terbaik.** Galakkannya.

3. **Sebagai ibu bapa kita sering merasakan anak kita masih kecil dan tidak dapat melakukannya.** Mulakannya sekarang biarpun usianya hanya 1 tahun dengan kerja rumah yang mudah seperti mengelap meja selepas makan atau membantu menyidai kain.

4. **Manusia sangat suka diberi penghargaan dan menerima pujian (terutama bagi anak kecil).** Pujian dan kata-kata baik semasa dan selepas menyiapkan tugas amat memberi dorongan untuk momentum yang lebih baik. Kita mahu proses pembelajaran ini berterusan bukan?

5. **Tidak salah mengucapkan terima kasih kerana menjadi ahli keluarga yang diimpikan.**

6. **Anak kecil memerlukan rutin.** Sekiranya ada waktu yang mereka tidak perlu melakukannya, mereka akan mula menyangka bahawa orang lain boleh melakukan untuk mereka – ibu bapa atau adik beradik yang lain.

Aktiviti yang konsisten akan menjadikannya tabiat.

7. **Senaraikan semua tugas dan benarkan anak-anak memilih tugas yang dimahukan.**

Pastikannya sama rata termasuk kita sebagai ibu bapa. Jadual Tugas Kerja

Rumah mempunyai 3 kolom. Kolom satu ialah Senarai Tugas, kolom dua ialah nama mereka sementara kolom ketiga ialah *deadline* dalam bentuk waktu atau selepas tugas apa (akan diterangkan di bawah). Setiap rumah akan mempunyai 2 Jadual Tugas – harian dan mingguan.

Pembahagian Tugas

Berikut adalah cara-cara memudahkan pembahagian tugas kerja rumah.

1. **Berikan anak sebagai pilihan**

Sekiranya kita memberi tugas anak mengemas biliknya, tugas yang lebih spesifik ialah menyimpan semua buku di almari, menyusun bantal di tilam dan menyapu lantai bilik tidur.

2. **Penyusunan Rakannya**

Ibu bapa mungkin perlu melakukannya berulang kali sehingga anak dapat mengikutnya dan melakukannya sendiri. Tunjukkan dahulu bagaimana menyusun buku di almari buku dan kemudian minta mereka ulang melakukannya di bawah pemerhatian kita sebelum membiarkannya melakukan sendiri.

3. **Sejajir selepas tugasan**

Kadang kala kita perlu bertenang dan bersabar semasa memberikan tugas. Contohnya menyiram pokok selepas mengelap meja makan dengan bersih, ia tidak bergantung kepada waktu di mana sebagai ibu bapa kita sering mahukannya dilakukan dengan segera. Bersabar. Berikan sedikit ruang kepada mereka tanpa perlu kita bertanya sudah siap atau belum?

